

JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10(37)

Tarikh : 8 April 2016

Pengarah
Jabatan Air Sabah
KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Pertanian
KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Perhutanan
SANDAKAN

Pengarah
Jabatan Tanah dan Ukur
KOTA KINABALU

Semua Bendahari Daerah

Akauntan Kanan
Seksyen Penerimaan & Pembayaran
Jabatan Bendahari Negeri
KOTA KINABALU

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 4 TAHUN 2016 TATACARA PENGAKAUNAN PUNGUTAN HASIL JABATAN AIR DAN "OUTPUT TAX" (GST) YANG BERKAITAN

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tatacara memperakaukan pungutan hasil Jabatan Air dan "Output Tax" (GST) yang berkaitan dengan pungutan hasil air berkenaan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Sebagaimana yang tuan-puan sedia maklum Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan membayar bil air melalui kaunter Pemungut Hasil Kerajaan Negeri atau melalui Pemungut Hasil Agent Swasta seperti POS Malaysia, SESB, Maybank dan sebagainya.

...../2-



(A)100-4/10(37)

8 April 2016

- 2 -

- 2.2 Pengakaunan pungutan Jabatan Air pada masa ini ditetapkan bahawa apabila pengguna membayar bil air di kaunter Pemungut Hasil Kerajaan, resit rasmi akan dikeluarkan dengan mengkreditkan kod S00 136 000000 000000 00000000 73308 – Hasil Jualan Air.
- 2.3 Manakala pengakaunan pungutan Jabatan Air melalui Pemungut Hasil Agent Swasta akan dibuat melalui "Remittance" oleh pemungut kepada Jabatan Air samada setiap minggu atau bulan dan cek bayaran akan dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri atau pindahan wang melalui kemudahan bank iaitu Electronic Fund Transfer (EFT) ke akaun bank Kerajaan Negeri.

Apabila cek diterima atau apabila terimaan ini ditunjukkan dalam penyata bank akaun Kerajaan Negeri maka Seksyen Penerimaan & Pembayaran Jabatan Bendahari Negeri akan mengeluarkan resit rasmi dengan mengkreditkan kod S00 136 000000 000000 00000000 73308 – Hasil Jualan Air.

3. TATACARA PENGAKAUNAN PUNGUTAN JABATAN AIR MENGGUNAKAN KOD K79 136 000000 790001 00000000 00000 (Revenue Collectors Clearance Account – Ibu Pejabat Jabatan Air Sabah)

Selaras dengan pelaksanaan Good & Services Tax (GST) pada 01 April 2015 di mana terdapat kategori pengguna air yang dikenakan GST 6% ke atas penggunaan airnya maka cara pengakaunan pungutan Jabatan Air perlu diubahsuai dan dipatuhi seperti berikut:

3.1 Pengakaunan di kaunter Pejabat Pembayar Kerajaan Negeri

- 3.1.1 Kaunter Pejabat Pembayar adalah kaunter yang berada di Seksyen Penerimaan & Pembayaran Jabatan Bendahari Negeri, Pejabat Bendahari Daerah dan di kaunter Penerimaan & Pembayaran Jabatan Mengakaun Sendiri.
- 3.1.2 Sekiranya pengguna air membuat bayaran terus di kaunter Pejabat Pembayar dan bil air pengguna menunjukkan ada amaun GST yang dikenakan maka satu resit terimaan hendaklah dikeluarkan kepada pengguna air dengan catatan dua amaun berasingan dalam resit tersebut iaitu dengan:

...../3-

(A)100-4/10(37)

8 April 2016

- 3 -

- **Mengkredit terimaan hasil air ke kod S00 136 000000 000000 00000000 73308 – Hasil Jualan Air.**
- **Mengkredit pungutan GST ke kod A92 136 000000 922007 00000000 00000 – GST Jabatan Air.**

3.1.3 Sekiranya pengguna air membuat bayaran di kaunter Pejabat Pemungut Hasil Kerajaan Negeri yang mengeluarkan resit kepada pengguna dengan mengkredit kod S00 136 000000 000000 00000000 73308 – Hasil Jualan Air dan menyerahkan Penyata Pemungut dan *bank in slip* kepada Pejabat Pembayar untuk pengakaunan pungutan tersebut maka Pejabat Pembayar hendaklah mengakaunkan pungutan tersebut kesemuanya ke kod **K79 136 000000 790001 00000000 00000 (Revenue Collectors Clearance Account – Ibu Pejabat Jabatan Air Sabah)**

Resit hendaklah dikeluarkan atas nama Pemungut Hasil Kerajaan Negeri dan satu salinan resit tersebut hendaklah diserahkan kepada Jabatan Air untuk tindakan selanjutnya.

3.2 Pengakaunan pungutan yang diterima dari Pemungut Hasil Agent Swasta

3.2.1 Pemungut Hasil Agent Swasta akan mengeluarkan satu resit sahaja apabila menerima bayaran daripada pengguna air tidak kira samada bil berkenaan mempunyai amaun GST atau tiada. Resit yang dikeluarkan adalah resit terimaan oleh pemungut hasil agent swasta berkenaan sendiri.

3.2.2 Pemungut Hasil Agent Swasta akan membuat *remittance* kepada Jabatan Air samada setiap minggu atau bulan dan cek dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri atau melalui kemudahan bank iaitu EFT ke akaun bank Kerajaan Negeri. Resit terimaan yang akan dikeluarkan oleh Seksyen Penerimaan & Pembayaran JBNS untuk mengakaun pungutan untuk Jabatan Air ini hendaklah kredit ke kod **K79 136 000000 790001 00000000 00000 – (Revenue Collectors Clearance Account – Ibu Pejabat Jabatan Air Sabah)**

(A)100-4/10(37)

8 April 2016

- 4 -

- 3.2.3 Resit dikeluarkan atas nama Pemungut Hasil Agent Swasta dan satu salinan resit tersebut hendaklah diserahkan kepada Jabatan Air untuk tindakan selanjutnya.

3.3 Pengakaunan pungutan yang diterima dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia melalui EFT ke akaun bank Kerajaan Negeri

- 3.3.1 Sekiranya terdapat transaksi melalui EFT dari Jabatan Akauntan Negara berkaitan pungutan Jabatan Air, maka resit terimaan yang akan dikeluarkan oleh Seksyen Penerimaan & Pembayaran JBNS atau Pejabat Bendahari Daerah untuk mengakaun pungutan Jabatan Air ini hendaklah kredit ke kod **K79 136 000000 790001 00000000 00000 - (Revenue Collectors Clearance Account - Ibu Pejabat Jabatan Air Sabah)**

- 3.3.2 Resit dikeluarkan atas nama Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan satu salinan resit tersebut hendaklah diserahkan kepada Jabatan Air untuk tindakan selanjutnya.

4. TANGGUNGJAWAB JABATAN AIR UNTUK MENGANALISA PUNGUTAN DAN MEMUATNAIK (UPLOAD) KE SISTEM AKAUN UTAMA DI JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

- 4.1 Jabatan Air adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan resit-resit berkenaan dari Kaunter Pejabat Pembayar dari masa ke semasa setiap bulan
- 4.2 Apabila Jabatan Air menerima resit tersebut Jabatan Air adalah bertanggungjawab untuk menganalisa pungutan air yang telah dikredit ke kod **K79 136 000000 790001 00000000 00000 - (Revenue Collectors Clearance Account - Ibu Pejabat Jabatan Air Sabah)**
- 4.3 Daripada jumlah amaun pungutan tersebut Jabatan Air hendaklah mengasingkan jumlah pungutan yang perlu di kredit ke kod **S00 136 000000 000000 00000000 73308 - Hasil Jualan Air** dan jumlah pungutan yang patut dikredit ke kod **A92 136 000000 922007 00000000 00000 - GST Jabatan Air.**

...../5-

(A)100-4/10(37)

8 April 2016

- 5 -

4.4 Setelah amaun pungutan Hasil Jualan air dan amaun GST dikenalpasti dengan tepat maka Jabatan Air hendaklah membuat **upload** pengakaunan maklumat ini ke Sistem Akaun Utama di Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri serta merta dengan memastikan **catatan bergu debit kod K79 136 000000 790001 00000000 00000 - (Revenue Collectors Clearance Account - Ibu Pejabat Jabatan Air Sabah) dan kredit kod S00 136 000000 000000 00000000 73308 - Hasil Jualan Air dan kredit ke kod A92 136 000000 922007 00000000 00000 - GST Jabatan Air dengan amaun masing-masing.**

4.5 Setelah Penutupan Akaun bulanan Kerajaan Negeri, lejar Akaun Perbendaharaan kod:

(i) **A92 136 000000 922007 00000000 00000 - Akaun GST Jabatan Air yang mengandungi kedudukan terkini "Input Tax" dan "Output Tax" dan**

(ii) **A97 136 000000 970017 00000000 00000 - Akaun Settlement Jabatan Air yang mengandungi baki debit atau kredit**

adalah disediakan untuk Jabatan Air membuat tuntutan balik GST ataupun membayar GST kepada Jabatan Kastam dengan segera mengikut Akta GST yang dikeluarkan oleh Pihak Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 1/2015 bertarikh 30 Mac 2015 - Perakaunan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) Dalam Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri Sabah hendaklah dirujuk bersama dalam perkara ini

4.6 Jabatan Air perlu maklum bahawa baki dalam kod akaun **K79 136 000000 790001 00000000 00000 - (Revenue Collectors Clearance Account - Ibu Pejabat Jabatan Air Sabah)** pada penutupan akaun tahunan dikehendaki berbaki **kosong**. Oleh yang demikian Jabatan Air bertanggungjawab penuh untuk memastikan semua pelarasan akaun mesti dibuat sebelum Akaun Bulan Disember (Akhir) ditutup.

...../6-

(A)100-4/10(37)

8 April 2016

- 6 -


Berdasarkan keputusan dalam Mesyuarat Mengenai Pelaksanaan GST Jabatan Air Negeri Sabah di Kementerian Kewangan pada 28 Mac 2016, Jabatan Air Negeri Sabah adalah bertanggungjawab penuh untuk membangunkan sistem pengakaunan berkenaan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah dan konsultan yang telah dilantik.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Pemakaian surat pekeliling ini berkuatkuasa April 2016. Sekiranya ada sebarang kemusykilan di dalam melaksanakan surat pekeliling ini, sila berhubung dengan Bahagian Pengurusan Akaun Awam, Jabatan Bendahari Negeri.

Sekian, harap maklum dan terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'


(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

s.k Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
KOTA KINABALU

UP: Puan Janice Lim

" Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara
Cawangan Sabah
Blok A, Aras 4
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS-Sulaman
88450 KOTA KINABALU

" Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
KOTA KINABALU

" Penolong Bendahari Negeri (PPP)
Bahagian Penerimaan & Pembayaran
Jabatan Bendahari Negeri
KOTA KINABALU